

# POLISI PENGURUSAN BUANGAN TERJADUAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

---

Universiti Sains Malaysia (USM) komited memastikan pengurusan buangan terjadual yang selamat, sihat dan lestari berdasarkan keperluan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Selaras dengan **Prosedur Pengurusan Buangan Terjadual (USM-008-02)** yang dibangunkan, USM setakat yang praktik mengambil langkah-langkah berikut ;

- i. Memastikan pengurusan buangan terjadual yang melibatkan proses penjanaan, pengendalian, penyimpanan, pembungkusan dan pelupusan di pusat tanggungjawab (PTJ) diuruskan mengikut prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan.
- ii. Memastikan pelaksanaan penaksiran risiko dan penyediaan prosedur kerja selamat bagi pengendalian buangan terjadual termasuk tindakan kecemasan sekiranya berlaku tumpahan atau pelepasan tidak sengaja.
- iii. Memastikan pengendali buangan terjadual diberi latihan secara khusus dan berterusan.
- iv. Melantik kontraktor yang berdaftar dan diiktiraf oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk mengendalikan pungutan, pengangkutan dan pelupusan buangan terjadual.
- v. Memastikan rekod dan dokumen buangan terjadual dikemaskini dan disimpan dengan baik mengikut keperluan perundangan.

Komitmen daripada semua PTJ di USM diperlukan demi menjayakan polisi seperti yang dinyatakan.